



UTUSAN MALAYSIA 21/8/2017 p.34

## Ragbi negara cipta sejarah

### ■ KUALA LUMPUR 20 OGOS

**S**KUAD ragbi negara mencipta sejarah terbesar dalam penyertaan Sukan SEA apabila meraih emas buat kali pertama menerusi pasukan lelaki tujuh sepasukan.

Dalam aksi *final* temasya edisi ke-29 di Stadium MBPJ dekat sini hari ini itu, skuad negara menewaskan musuh tradisi, Singapura 22-7 di depan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang turut memberikan sokongan selain menyaksikan penyampaian pingat kepada pemain.

Sebelum ini, belum pernah skuad lelaki negara memenangi pingat emas terutama dalam

acara tujuh sepasukan sekali gus mengakhiri kemarau bertahun-tahun lamanya.

Selepas mendahului 5-0 hasil *try* Muhammad Azwan Zuwairi Mat, skuad lelaki negara diasak hebat Singapura yang berjaya menyamakan kedudukan menerusi Nicholas Yau dan kemudiannya mendahului 7-5 menerusi *conversion* yang disempurnakan Marah Moehammad Ishraf.



**FAKTA**  
**22-7**  
keputusan akhir skuad ragbi negara menewaskan Singapura buat kali pertama.

Tidak gelabah dengan kebangkitan pasukan lawan, skuad negara bangkit sebelum babak pertama berakhir menerusi *try* Muhammad Zulhisham Rasli dan *conversion* Muhammad Azwan untuk kembali mendahului 12-7.

Di babak kedua, skuad negara tidak lagi menoleh ke belakang apabila menambah lagi mata menerusi dua *try* yang dilakukan pemain gantian, Mohamad Nur Azri Azmi

untuk menamatkan perlawanan dengan bergaya.

Turut mencipta sejarah hari ini adalah skuad wanita negara yang buat kali pertama berjaya meraih pingat. Walaupun bukan emas tetapi hanya gangsa namun itu merupakan pencapaian terbaik mereka dalam Sukan SEA.

Dalam aksi penentuan tempat ke-3/4, skuad wanita negara menewaskan Filipina 7-5 selepas mendahului 7-0 di babak pertama hasil *try* yang dilakukan Siti Farhanita Maddin dan *conversion* yang disempurnakan Rozliana Mohd. Ridhwan.

Emas acara ragbi wanita dimenangi Thailand yang menewaskan Singapura 17-10 dalam aksi *final*.



**PEMAIN** Malaysia, Wan Izzuddin Ismail cuba melepasi pemain Singapura, Marah Moehammad Ishraf pada perlawanan ragbi Sukan SEA Ke-29 di Stadium MBPJ semalam.